

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

2017 merupakan tahun yang baik bagi Bursa Malaysia kerana usaha pembangunan yang telah kami laksanakan pada tahun-tahun sebelumnya telah membawa hasil.



DATUK SERI TAJUDDIN ATAN

Ketua Pegawai Eksekutif, BURSA MALAYSIA BERHAD

Sejak 2011, kami telah meletakkan asas pertumbuhan yang kukuh melalui kerjasama di peringkat antarabangsa dan penerapan amalan mampan untuk meningkatkan kebingkasan pasaran domestik. Dengan asas ini, kami memulakan Pelan Perniagaan 2014-2016 kami ke arah mentransformasi Bursa Malaysia menjadi sebuah Bursa yang dinamik yang berperanan sebagai penggalak pertumbuhan ekonomi dan memacu pembangunan pasaran modal, bersandarkan bidang-bidang kekuatan khusus yang telah dikenal pasti dengan jelas.

**SEBAGAI SEBAHAGIAN DARIPADA USAHA KAMI UNTUK
MENINGKATKAN AKTIVITI PASARAN DAN MENGGALAKKAN
CAPAIAN YANG INKLUSIF KEPADA PENGUMPULAN DANA,**

**BURSA MALAYSIA TELAH MELANCARKAN
BUAT PERTAMA KALI PASARAN PLATFORM
PEMECUT USAHAWAN UTAMA (LEAP) PADA
BULAN JULAI 2017.**



Pada awal tahun 2017, beberapa pelantikan utama telah dibuat dalam organisasi kami, lanjutan daripada inisiatif Pengoptimuman Struktur Organisasi untuk Keberkesanan Organisasi. Daripadanya, kami mula meraih hasil daripada strategi yang lebih menyeluruh serta penyepaduan yang lebih baik untuk memanfaatkan kekuatan dalam segmen perniagaan dan operasi kami. Saya yakin bahawa kami berada dalam kedudukan yang lebih baik untuk memenuhi keperluan semua pemegang kepentingan kami, iaitu syarikat awam tersenarai (PLC), pelabur, peserta pasaran, komuniti, dan kakitangan kami, di samping memperluas jangkauan kami. Kami juga telah memperoleh beberapa pencapaian penting pada tahun ini - dari menjadi Bursa pertama di rantau ini yang menawarkan pintu masuk kepada pengumpulan dana pasaran modal bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) hingga menawarkan Peminjaman dan Pemberi Pinjaman Sekuriti secara Islam yang pertama di dunia untuk pelabur institusi. Semua ini dilaksanakan bagi memastikan keberkaitan dan kemampunan perniagaan kami yang lebih luas untuk penciptaan nilai jangka panjang.

**HALA TUJU STRATEGIK DALAM
PENYEDIAAN NILAI**

Pasaran Sekuriti mencatatkan perolehan dagangan sebanyak RM259.6 juta, didorong oleh Purata Nilai Dagangan Harian (ADV) bagi Dagangan Di Pasaran sebanyak RM2,314 juta, iaitu peningkatan sebanyak 27.7% daripada tahun 2016.

Aktiviti pengumpulan dana meningkat dengan ketara pada tahun 2017 dengan jumlah dana yang dikumpulkan mencatatkan pertumbuhan tinggi sebanyak 71.1% kepada RM21.9 bilion berbanding RM12.8 bilion pada tahun 2016. Sentimen positif membuka peluang bagi penyenaraian baharu pada tahun ini, dengan 13 Tawaran Awam Awal (IPO) yang menjana sebanyak RM7.4 bilion berbanding 11 tawaran yang menjana sebanyak RM0.6 bilion pada tahun 2016. Pada penghujung tahun 2017, permodalan pasaran bagi penyenaraian baharu mencapai RM21.5 bilion berbanding hanya RM2.2 bilion pada tahun sebelumnya. Aktiviti pengumpulan dana dalam pasaran sekunder kekal kukuh dengan jumlah sebanyak RM14.5 bilion dikumpulkan pada tahun 2017, berbanding RM12.2 bilion pada tahun 2016. Pasaran sekunder yang kukuh didorong oleh beberapa pelaksanaan korporat utama termasuk terbitan hak, terbitan khas dan penempatan tertutup oleh PLC.

Sementara itu, Pasaran Derivatif mencatatkan peningkatan sebanyak 4.4% dalam jumlah dagangan kontrak Niaga Hadapan Minyak Sawit Mentah (FCPO) yang diniagakan, di mana FCPO memperoleh penerimaan yang lebih besar di peringkat antarabangsa sebagai penanda aras untuk harga CPO. Walau bagaimanapun, Purata Kontrak Dagangan Harian (ADC) keseluruhan yang diniagakan untuk produk derivatif adalah agak rata dengan penurunan kecil sebanyak 0.3% kepada 57,677 kontrak. Penurunan kecil dalam ADC sebahagian

besarnya disebabkan oleh penyusutan dalam kontrak Niaga Hadapan KLCI FTSE Bursa Malaysia (FKLI), memandangkan terdapat kurang turun naik dalam indeks ekuiti pendataran penanda aras, sama seperti yang berlaku di pasaran global yang lain. Secara keseluruhannya, Pasaran Derivatif mencatatkan perolehan dagangan yang baik sebanyak RM80.6 juta pada tahun ini daripada 14.0 juta kontrak yang diniagakan, berbanding perolehan dagangan sebanyak RM88.7 juta daripada 14.2 juta kontrak yang didagangkan pada tahun 2016.

Pasaran Modal Islam (ICM) terus rancak dan berdaya saing, menyokong kedudukan Malaysia sebagai peneraju global dalam kewangan Islam. Pada tahun ini, Bursa Suq Al-Sila' (BSAS) mencatatkan prestasi yang membanggakan dengan ADV meningkat sebanyak 20.2% kepada RM19.6 bilion daripada RM16.3 bilion pada tahun 2016, menjana perolehan dagangan sebanyak RM15.8 juta berbanding RM16.4 juta pada 2016, terutamanya disebabkan pengenalan skim penetapan harga berdasarkan volum.


Aktiviti pasaran yang kukuh dan keadaan pasaran yang teguh, disokong oleh usaha dalaman kami untuk memantapkan organisasi kami, telah mengangkat prestasi kewangan Bursa Malaysia pada tahun ini. Keuntungan Selepas Cukai dan Kepentingan Minoriti (PATAMI) melonjak sebanyak 15.2% tahun ke tahun kepada RM223.0 juta di mana hasil operasi meningkat 10.4% kepada RM522.1 juta, manakala perbelanjaan operasi meningkat sebanyak 6.0% kepada

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

HASIL OPERASI



PATAMI



PURATA NILAI DAGANGAN HARIAN (DAGANGAN DI PASARAN)



**RM2.3
BILION**

2016: RM1.8 BILION

PENGUMPULAN DANA



**JUMLAH DANA YANG
DIKUMPULKAN
MENCATATKAN
PERTUMBUHAN BESAR
SEBANYAK 71.1% KEPADA
RM21.9 BILION**

2017 juga mencatatkan kemunculan pertama

ETF KOMODITI DI BURSA MALAYSIA – TRADEPLUS GOLD, YANG MERUPAKAN ETF PATUH SYARIAH

RM250.4 juta. Ini merupakan PATAMI setahun penuh tertinggi yang dicatatkan oleh Bursa Malaysia sejak tahun 2007, dan hasil operasi setahun penuh tertinggi sejak penyenaraian kami pada tahun 2005. Pulangan atas Ekuiti meningkat kepada 26.0% daripada 23.2% pada tahun 2016, manakala nisbah kos kepada pendapatan meningkat kepada 45.1% daripada 46.6% pada tahun 2016.

PRODUK DAN PERKHIDMATAN BAHRU

Sebagai sebahagian daripada usaha kami untuk meningkatkan aktiviti pasaran dan menggalakkan capaian inklusif kepada pengumpulan dana, Bursa Malaysia telah melancarkan Pasaran Platform Pemecut Utama (LEAP) pada bulan Julai 2017. Platform ini menyokong PKS, yang merupakan pendukung kepada aktiviti ekonomi, untuk memperoleh akses kepada dana pasaran modal untuk meningkat maju ke peringkat pertumbuhan perniagaan seterusnya. Cloudaron Group Berhad merupakan syarikat pertama yang disenaraikan di Pasaran LEAP, mengumpul sebanyak RM5.5 juta daripada IPOnya pada Oktober 2017. Penerbit-penerbit awal di pasaran LEAP menunjukkan keupayaan Bursa Malaysia untuk menarik syarikat-syarikat teknologi inovatif untuk disenaraikan, termasuk syarikat-syarikat yang mempunyai operasi di rantau ini. Dengan adanya pasaran LEAP, kami yakin akan dapat menyerlahkan potensi Bursa Malaysia untuk muncul sebagai pusat serantau untuk pengumpulan dana inovatif.

Bagi mengukuhkan lagi persekitaran sokongan kami terhadap pengumpulan dana PKS, pada bulan Mei 2017, kami telah melancarkan Skim Penyelidikan Syarikat Permodalan Pertengahan dan Kecil (Bursa MidS) yang meningkatkan profil syarikat-syarikat permodalan pertengahan dan kecil yang disenaraikan di Bursa untuk menarik minat lebih ramai pelabur. Dalam fasa pertamanya, 100 sekuriti tersenarai telah dikenal pasti untuk menerima liputan penganalisis daripada 20 firma penyelidikan, dan bilangan syarikat tersenarai di bawah skim penyelidikan ini akan terus berkembang. Dalam tempoh hanya tujuh bulan sejak pelancarannya, 20 firma penyelidikan telah menerbitkan 421 laporan penyelidikan di Bursa MidS yang meliputi 88 PLC. Ini merupakan contoh nilai dan wawasan baharu yang boleh disumbangkan oleh Bursa dan pengantara kami berdasarkan matlamat yang sama. Bersempena dengan pelancaran Bursa MidS, kami juga memperkenalkan Indeks MidS Cap FTSE Bursa Malaysia dan Indeks MidS Cap Shariah FTSE Bursa Malaysia untuk meningkatkan lagi minat pelabur terhadap syarikat permodalan pertengahan dan kecil.

Sejajar dengan aspirasi kami untuk menjadi pasaran yang maju, pada bulan Oktober 2017, kami melancarkan Indeks Amanah Pelaburan Harta Tanah Bursa Malaysia (REIT), indeks pengiraan dalam kami yang ke-11. Pelancaran tersebut meletakkan Malaysia sebaris dengan pasaran maju seperti AS, Hong Kong, Jepun, Australia dan Singapura dalam penawaran Indeks REIT yang khusus. Pelancaran Indeks REIT juga merupakan pencapaian penting bagi sektor REIT di Malaysia dan dijangka akan merancakkan pasaran REIT dengan pewujudan tawaran baharu seperti REIT alternatif dan dana dagangan bursa (ETF).

Tahun 2017 juga mencatatkan kemunculan pertama ETF komoditi di Bursa Malaysia – TradePlus Gold, yang merupakan ETF patuh Syariah yang menjelaskan pulangan ke atas emas. Penawaran kelas aset baharu ETF ini oleh penerbit ETF baharu di pasaran kami, Affin Hwang Asset Management Bhd., adalah bertepatan dengan hala tuju yang kami harapkan dalam sektor ETF – jenis ETF baharu dan penyertaan lebih ramai penerbit dalam pasaran.

Garis Panduan ETF baru oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia yang dijangka akan dikeluarkan pada tahun 2018, akan meningkatkan keupayaan penerbit ETF untuk menerbitkan pelbagai tawaran ETF yang lebih luas. Bursa telah terlibat secara aktif dalam pasukan petugas berbilang organisasi yang diwujudkan untuk meningkatkan inovasi dan memacu pertumbuhan pasaran ETF.

MEWUJUDKAN EKOSISTEM YANG LEBIH TEGUH

Mendasari penawaran produk dan perkhidmatan baharu kami ialah pengiktirafan bahawa kami mesti sentiasa meningkatkan dan mengukuhkan rangka kerja pasaran kami untuk memastikan perkembangan pasaran yang berterusan. Ini akan menambah baik kecekapan pasaran untuk memudahkan cara penemuan harga dan dagangan serta merangsang kerancakannya. Pada masa yang sama, kami komited untuk memodenkan amalan pasaran untuk terus mengikuti perkembangan pasaran dan bidang kuasa yang lebih maju. Inisiatif-inisiatif ini dirangka untuk menjadikan Bursa Malaysia sebagai pasaran utama di rantau ini.

Sejak dengan ini, pada bulan Februari 2017, kami telah menyemak semula peraturan bagi Jualan Singkat yang Dikawal Selia (RSS) dan rangka kerja Cadangan Dagangan Gagal Peminjaman dan Pemberian Pinjaman Sekuriti – Transaksi Dirunding (SBL-NT) untuk mewujudkan pasaran yang lebih cekap untuk penemuan harga dan dagangan, yang seterusnya akan merangsang kecairan pasaran. Peraturan yang disemak semula tersebut akan membentarkan pelaksanaan pesanan RSS pada harga permintaan semasa yang terbaik atau lebih tinggi, memberikan lebih fleksibiliti dalam harga kepada peserta pasaran ketika menjalankan RSS. Sementara itu, rangka kerja Cadangan Dagangan Gagal SBL-NT yang disemak semula tersebut membolehkan para pelabur meminjam sekuriti untuk menyelesaikan dagangan yang berpotensi gagal, mengurangkan risiko kegagalan penyelesaian dan mengurangkan kos akibat kesilapan tulen dalam dagangan.

Melalui kemudahan ini, kami berharap untuk menambah kecairan pasaran, meningkatkan fleksibiliti kepada peserta pasaran untuk mengurangkan risiko dan kos urus niaga dagangan dalam pasaran kami. Ia juga akan menggalakkan minat pasaran sedia ada terhadap RSS dan SBL Bursa Malaysia.

Bursa Malaysia memulakan dan mengakhiri tahun ini dengan lebih banyak penyediaan untuk mekanisme dagangan fleksibel. Pada bulan Disember 2017, kami berbangga dengan pelancaran model Jualan dan Belian Sekuriti Islam – Transaksi Dirunding (ISSBNT) – alternatif patuh Syariah bagi SBL yang pertama di dunia. Kami menjangkakan peserta pasaran modal institusi dengan mandat Syariah memanfaatkan mekanisme dagangan ini yang dibangunkan khusus untuk memenuhi keperluan mereka. Pada bulan yang sama, Bursa juga memperkenalkan ciri-ciri dagangan baharu melalui pengembangan jenis pesanan dan pengesahan, yang memberikan pelabur lebih fleksibiliti dalam menguruskan pesanan mereka, yang membolehkan mereka memperhalus strategi dagangan dan pengurusan risiko mereka.

Kami juga telah berusaha untuk menarik lebih ramai peserta pasaran. Secara khususnya, kami telah berjaya merombak struktur penyertaan bagi Bursa Malaysia Derivatives untuk menarik pengantara baharu, mempromosi senarai penasihat yang diperluas untuk Pasaran LEAP, dan mencatatkan peningkatan dalam bilangan Organisasi Perserta (PO) Islam daripada sembilan kepada 14 di Bursa Malaysia-*i*.

Bagi mengiktiraf sumbangan para pengantara pasaran, kami telah mengadakan Anugerah Kecemerlangan Bursa Malaysia kali yang keempat pada bulan Mei 2017, yang memberikan pengiktirafan kepada para broker atas sumbangan mereka dalam pembangunan Pasaran Sekuriti, Pasaran Derivatif dan Pasaran Modal Islam. Pada tahun ini, kami juga memperluas kategori anugerah yang merangkumi pengantara individu seperti pedagang

69 SESI PENGLIBATAN TELAH DIADAKAN BERSAMA RAKAN-RAKAN BROKER UNTUK MENJALIN HUBUNGAN ERAT

**BURSA TELAH MENCAPAI
SEKURANG-KURANGNYA
94,000
INDIVIDU MELALUI LEBIH
600
PENGLIBATAN BERSAMA PELABUR**

proprietari harian dan remisier yang memainkan peranan penting dalam mengekalkan momentum pasaran kami.

Pada tahun 2017, Bursa telah meningkatkan dan menambah penglibatan bersama pemegang kepentingan kami. Sebanyak 69 sesi penglibatan telah diadakan bersama rakan-rakan broker untuk menjalin hubungan yang lebih erat. Semasa pertemuan ini, Bursa berkongsi pandangan yang disokong oleh data mengenai prestasi PO berbanding rakan setara mereka, dan mendapatkan maklum balas mengenai pelbagai inisiatif.

Sebagai pengendali Bursa, kami terus memperakui betapa pentingnya penglibatan bersama peserta pasaran. Kami secara aktif mengadakan sesi dialog terbuka dan mendapatkan maklum balas mengenai kertas perundungan dalam melaksanakan usaha pembangunan kami – daripada penstrukturkan Pasaran LEAP yang baharu, penggalakan ekosistem ETF, kajian semula Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama dan Pasaran ACE, hingga proses merangka Panduan Tadbir Urus Korporat – dengan matlamat untuk memenuhi keperluan pemegang kepentingan dengan lebih baik.

DARIPADA PUCUK PIMPINAN KAMI

MENARIK PENYERTAAN PELABUR	MENGEMUDI MASA DEPAN	Manfaatkan Teknologi dan Maklumat
<p>Sebagai pengendali Bursa, secara langsung dan tidak langsung, kami turut membantu mewujudkan persekitaran yang memudahkan bagi para pelabur. Oleh yang demikian, kami amat berbesar hati apabila Kerajaan telah mewartakan pengecualian duti setem bagi tempoh tiga tahun dari Januari 2018, dengan itu mengurangkan kos transaksi ETF dan waran berstruktur. Kami menjangka untuk menyaksikan rangsangan dalam dagangan dan kecairan produk-produk dagangan bursa (ETP) ini, dan amat mengalu-alukan pelbagai ETP pada tahun-tahun yang akan datang, sejarah dengan peningkatan populariti produk-produk ini di peringkat global.</p> <p>Bursa telah mempergiat usaha dalam pendidikan dan program mendekati pelabur untuk terus mendorong penyertaan pelabur dalam pasaran. Secara kumulatif, pada tahun 2017, program pendidikan pelabur dan inisiatif pemasaran Bursa dengan kerjasama Peserta Dagangan dan PO kami telah mencapai sekurang-kurangnya 94,000 individu melalui lebih daripada 600 sesi penglibatan. Usaha capaian ini meliputi Pasaran Sekuriti, Pasaran Derivatif dan Pasaran Modal Islam, untuk meningkatkan penyertaan pelabur secara inklusif. Antara sorotan utama termasuk kempen tiga bulan ‘Apa Matlamat Anda’ yang dilancarkan pada November 2017 dengan kerjasama syarikat-syarikat broker, dengan tujuan mewujudkan kesedaran dan mendidik orang ramai mengenai pelaburan dalam pasaran sekuriti. Di samping itu, kami menganjurkan Shariah Investing Fair buat julung-julung kalinya, yang menarik seramai 10,000 pelabur runcit semasa dan berpotensi, sebagai sebahagian daripada usaha kami untuk meningkatkan kesedaran dan mendidik pelabur runcit mengenai produk dan perkhidmatan pasaran modal patuh Syariah serta pelaburan Syariah di Bursa Malaysia-<i>i</i>. Kami juga melancarkan Cabaran Pedagang Syariah, satu pertandingan maya yang tertumpu kepada dagangan sekuriti patuh Syariah di Bursa Malaysia.</p>	<p>MENGEMUDI MASA DEPAN</p> <p>Berbanduan pencapaian setakat ini, kami akan terus memberi tumpuan kepada lima strategi untuk mengukuhkan kelebihan daya saing kami bagi mencapai aspirasi kami untuk menjadi sebuah pasaran maju serta peneraju pasaran di ASEAN menjelang 2020.</p> <p>Mengukuhkan Teras</p> <p>Kami kekal memperakui peri pentingnya usaha untuk memperkuuh asas-asas kami di samping mendapatkan nilai daripada inisiatif terdahulu, bagi memudah cara pertumbuhan berterusan pasaran modal dan meningkatkan kerancakan dan daya tarikannya. Kami juga akan terus menangani halangan-halangan struktur yang menjelaskan kecairan pasaran, mengembangkan penawaran produk kami, dan berusaha untuk menyediakan persekitaran yang meningkatkan pergerakan pasaran ketika kami memberi tumpuan kepada usaha memperdalam dan memperluas pasaran.</p> <p>Membina kesalinghubungan serantau dan global</p> <p>Keutamaan kami kekal untuk meletakkan Malaysia sebagai pusat pelaburan dan pengumpulan dana di rantau ini. Ini memerlukan lebih banyak penyertaan asing dalam seluruh pasaran kami serta jalinan penghubungan yang lebih erat bersama rakan sekerja serantau dan global kami, lebih-lebih lagi dengan persaingan yang memuncak dan peningkatan globalisasi. Untuk tujuan ini, Bursa Malaysia akan memanfaatkan perkongsian strategik sedia ada dan memupuk hubungan baharu dan berpotensi untuk mengembangkan kesalinghubungan serantau Bursa. Dalam beberapa tahun akan datang, kami menjangka dapat menjalin lebih banyak kerjasama sedemikian untuk mendekati lebih ramai pelabur dari pasaran-pasaran utama seperti China dan Indonesia. Kami berhasrat untuk menjadi rakan kongsi pilihan di ASEAN. Kami juga akan mengembangkan jangkauan global bagi platform inovatif Bursa Malaysia-<i>i</i> dan BSAS untuk memanfaatkan permintaan yang semakin meningkat terhadap kepelbagaiaan aset atau pelaburan bertanggungjawab sosial.</p>	<p>Manfaatkan Teknologi dan Maklumat</p> <p>Sebagai sebuah organisasi inovatif, kami berusaha untuk mengikuti trend pengguna dan teknologi. Kami menjangkakan permintaan pengguna terhadap penyelesaian secara digital, mudah alih dan mesra pelanggan akan terus meningkat. Demi memenuhi keperluan ini, kami akan terus menaik taraf dan memperhebat sistem kami untuk menambah baik pengalaman pelanggan, di samping menggunakan gudang data organisasi dan analisis bagi memantapkan kedudukan kami sebagai sebuah bursa yang berpandangan jauh serta dipacu data yang dikuasakan oleh analisis, wawasan dan maklumat untuk memupuk penyertaan pasaran yang lebih besar. Dalam usaha menerapkan lagi inovasi, sejajar dengan perkembangan dalam pasaran modal global, kami juga akan meneruskan peluang pembabitan dalam fintech untuk pembangunan perniagaan dan pengalaman pelanggan yang lebih baik, serta menggunakan teknologi canggih untuk menambah kecekapan dalam fungsi kawal selia dan pengurusan risiko kami.</p> <p>Memupuk Organisasi Berprestasi Tinggi</p> <p>Bersandarkan asas struktur organisasi yang telah dioptimumkan, kami kini memberi tumpuan untuk meningkatkan produktiviti, kecekapan dan keberkesanan Bursa Malaysia – ringkasnya, ke arah Organisasi Berprestasi Tinggi. Kami berada pada kedudukan yang lebih tangkas dan bersatu ke hadapan untuk mengemudi secara strategik peraturan, teknologi dan peluang yang semakin pesat berkembang.</p> <p>Membudayakan Kelestarian Sebagai Satu Cara Hidup</p> <p>Bursa Malaysia berbangga menjadi peneraju dalam bidang ini, membimbing dan menggalakkan syarikat-syarikat di Malaysia menerapkan kelestarian dalam operasi mereka. Bagi memastikan bahawa semua syarikat di Malaysia, termasuk Bursa, terus menerapkan agenda kelestarian, kami telah menubuhkan pasukan kelestarian yang khusus untuk memacu agenda kemampunan di Bursa Malaysia dan dalam kalangan PLC yang lain. Untuk melaksanakannya, kami</p>

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

berusaha untuk memupuk budaya kelestarian bertaraf dunia dalam kalangan korporat kami dan menjadi teladan kepada amalan terbaik antarabangsa dalam bidang ini, memastikan semua syarikat kami mempunyai tonggak asas yang akan membolehkan mereka menyumbang kepada peningkatan ekonomi, masyarakat dan persekitaran bagi tahun-tahun yang akan datang.

PENGHARGAAN

Bursa Malaysia telah mencatatkan kemajuan ketara dalam usaha untuk mencapai rancangan jangka panjang kami. Kami percaya bahawa kami berjaya memperkenalkan nilai kami sebagai pengendali Bursa dan sebagai PLC terkemuka. Asas kerja yang kukuh yang telah kami sediakan dalam beberapa tahun kebelakangan ini memberi kami peluang yang baik untuk merealisasikan aspirasi kami menuju tahun 2020.

Bagi pihak Pengurusan Bursa Malaysia, saya ingin merakamkan penghargaan kepada para pemegang kepentingan kami atas sokongan dan kerjasama yang membolehkan kami berkembang hingga ke tahap ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada

warga kerja kami atas usaha dan komitmen mereka dalam pencapaian matlamat kami. Di samping itu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Pengarah kami atas nasihat mereka, serta pengawal selia kami atas bimbingan dan sokongan mereka.

Dalam tempoh jangka panjang, turun naik dalam ekonomi global dan pasaran modal merupakan elemen yang tidak dapat dielakkan dalam persekitaran operasi kami. Kami juga amat menyedari perubahan pesat dalam teknologi dan pengawalseliaan yang boleh memberi impak kepada perniagaan kami. Walau bagaimanapun, kami yakin bahawa kami bersedia dengan asas dan strategi yang kukuh untuk memanfaatkan peluang pertumbuhan baharu ke arah menjadi sebuah pasaran maju dalam kalangan ASEAN menjelang tahun 2020.



DATUK SERI TAJUDDIN ATAN

Ketua Pegawai Eksekutif